

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	4 NOVEMBER 2016

# Pengalaman Najib menaiki kereta api laju China

Um - 4/11/2016

**BEIJING 3 Nov.** - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini menaiki kereta api laju China dari Stesen Kereta Api Beijing Selatan di sini untuk ke kota Tianjin yang terletak kira-kira 138 kilometer ke tenggara ibu kota Beijing.

Perjalanan Perdana Menteri dengan rombongannya ke Tianjin pada pukul 9.30 pagi mengambil masa 30 minit sahaja menggunakan generasi kereta api laju terbaru China yang boleh memecut sehingga 350 kilometer sejam.

Perjalanan melalui jalan raya dari Beijing ke Tianjin biasanya

memakan masa dua jam.

Sebelum memulakan perjalanannya, Najib terlebih dahulu meninjau Stesen Kereta Api Beijing Selatan di sini yang merupakan stesen kereta api yang terbesar di Asia dengan keluasan 32 hektar dan mempunyai 24 buah platform.

Ruang menunggu stesen itu berupaya menampung sehingga 10,000 orang pada satu-satu masa dengan kapasiti maksimum penumpang sebanyak 241 juta orang dalam setahun. Ia siap dibina pada tahun 2008.

Syarikat-syarikat China yang

terbabit dalam pembinaan stesen itu dan rangkaian landasan kereta api laju ke Tianjin akan terlibat dalam projek kereta api laju antara Malaysia dan Singapura, landasan berkembar kereta api Gemas-Johor Bahru dan pembinaan Landasan Kereta Api Pantai Timur yang menghubungkan Pelabuhan Klang di Selangor dengan bandar-bandar di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Kesemua projek itu dijangka siap antara tahun 2022 dan 2026.

Pengalaman membina stesen itu dan rangkaian landasan kereta api di seluruh China me-

nyediakan kepakaran kepada syarikat-syarikat China untuk menyiapkan projek-projek di Malaysia mengikut masa yang dijadualkan.

Kereta api laju yang dinaiki Najib hari ini menyediakan gerabak-gerabak kereta api yang futuristik, pramugari yang mesra penumpang, kerusi yang mudah dilaraskan, bersih, paparan notis elektronik tentang kelajuan dan suhu yang senang dibaca serta kemudahan soket elektrik untuk penumpang yang ingin menggunakan komputer dan mengemas telefon di setiap kerusi. - UTUSAN